

**UCAPAN OLEH
YB DATO' SERI LAW HIENG DING
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN
ALAM SEKITAR**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN DAN
PELANCARAN LOGO INSTITUT ALAM SEKITAR
MALAYSIA (EiMAS)
JABATAN ALAM SEKITAR**

**DI DEWAN AUDITORIUM, EiMAS
KAMPUS UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
(UKM),
BANGI
SELANGOR DARUL EHSAN**

**PADA 2 APRIL 2002
JAM 10.00 PAGI**

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Mohammed Noor Embi
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan)
Universiti Kebangsaan Malaysia;

Y.Bhg. Tuan Haji Johar Murad
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar;

Y.Bhg. Dr. Hashim Hassan
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)
Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar;

Y.Bhg. Puan Hajah Rosnani Ibarahim
Ketua Pengarah
Jabatan Alam Sekitar;

Y.Bhg. Dato' Kok Wee Kiat
Pengerusi
Majlis Kualiti Alam Sekeliling;

Yang Berusaha Encik Hashim
Daud
Pengarah
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS);

Y.Bhg. Datuk-Datuk,

Dif-Dif Kehormat dan para jemputan yang dihormati
sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih di atas penghormatan yang telah diberi kepada saya untuk merasmikan Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) pada pagi bersejarah ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Jabatan Alam Sekitar kerana melalui usaha gigihnya EiMAS telah berjaya ditubuhkan. Setinggi penghargaan dan terima kasih juga saya ucapkan kepada

semua pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan yang berterusan sehingga projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Penubuhan EiMAS ialah satu bentuk pelaburan oleh Kerajaan dan ianya telah dirancang beberapa tahun sebelum ini selaras dengan tujuan dan keperluan tenaga kerja Jabatan Alam Sekitar yang kian meningkat dalam menangani isu-isu dan pelbagai masalah pencemaran alam sekitar yang kian mencabar. EiMAS ditubuhkan bagi tujuan pembangunan sumber manusia Jabatan Alam Sekitar yang profesional dan mahir di dalam mengendalikan tugas dan tanggungjawab seperti yang diharapkan oleh pihak Kerajaan. Dengan isu-isu alam sekitar yang kian kompleks penubuhan institut ini memang tepat pada masanya. Peranan yang akan dimainkan oleh EiMAS dalam hal ini ialah melatih tenaga kerja dari Jabatan Alam Sekitar dan lain-lain agensi amnya supaya memahami isu-isu tersebut dengan mendalam. Ini akan membantu mereka dalam menjalankan tugas harian secara professional dan yakin walaupun menghadapi tugas-tugas yang kompleks dan melibatkan pelbagai isu dan perundangan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Adalah diharapkan dengan kemudahan yang disediakan di institut ini, program dan aktiviti latihan yang dirancang dapat berjalan lancar dan berkesan. Pihak pengurusan Jabatan Alam Sekitar - juga hendaklah memastikan tenaga mahir yang sesuai dan bersemangat tinggi di tempatkan di EiMAS bagi memastikan pengurusan institut ini berjalan secara berkesan dan profesional. Tenaga pengajar yang ditempatkan di sini hendaklah mereka yang betul-betul berminat dalam tugas

mereka. Mereka juga hendaklah mempunyai inisiatif yang tinggi bukan hanya sekadar mengajar dari buku teks sahaja. Mereka perlu mengetahui perkembangan semasa masalah yang berlaku di luar pejabat, masalah yang dihadapi oleh industri dan berusaha mencari penyelesaian yang saling menguntungkan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Di peringkat serantau, Malaysia merupakan sebuah negara yang dapat dicontohi oleh negara-negara ASEAN yang lain dalam pengurusan alam sekitar. Malah dalam bidang pengurusan alam sekitar tertentu seperti perundangan, pengurusan buangan toksik dan merbahaya, penilaian kesan terhadap alam sekitar serta kawalan terhadap bahan-bahan yang boleh menipiskan ozon, Malaysia masih mendahului negara-negara ASEAN yang lain malahan negara-negara dunia amnya. Ini terbukti melalui permintaan negara-negara ini kepada Malaysia supaya menyediakan latihan untuk penyertaan wakil-wakil dari negara tersebut.

Jabatan Alam Sekitar melalui EiMAS telah mula mengendalikan latihan-latihan ini di samping menyusun program-program baru yang lebih bercorak antarabangsa khususnya dalam menyelesaikan masalah pencemaran melintasi sempadan atau 'cross boundaries pollution'. EiMAS juga akan membangunkan program-program dengan kerjasama institusi seumpamanya dari negara-negara ASEAN yang lain serta badan-badan antarabangsa bagi membina keupayaan negara dan serantau dalam usaha meningkatkan keberkesanan kawalan pencemaran dan perlindungan alam sekitar yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, pada asasnya Jabatan Alam Sekitar (JAS) adalah satu organisasi Kerajaan yang terlibat dengan program penguatkuasaan undang-undang bagi mengawal dan mencegah pencemaran alam sekitar. Penguatkuasa adalah penting bagi mencapai sesuatu tahap pematuhan selaras dengan keperluan undang-undang yang sedia ada. Walau bagaimanapun penguatkuasaan memerlukan tenaga penguatkuasa yang ramai dan juga melibatkan kos atau implikasi kewangan kepada pihak industri yang didapati melanggar undang-undang. Oleh yang demikian, sempena pelancaran EiMAS pada pagi ini, saya ingin mengesyorkan supaya JAS memberi lebih emphasis kepada program latihan dan kesedaran yang dapat mempromosikan pendekatan, kaedah atau teknologi yang berkesan dan efisien dari segi kos dan keberkesanan menyelesaikan masalah-masalah dan isu-isu alam sekitar bagi mencapai matlamat peralihan 'end of pipe solution' kepada 'prevention'.

Peralihan dari 'end of pipe solution' ini kepada 'prevention' dalam mengawal pencemaran memerlukan usaha yang bersepadu dari semua pihak terutama dari sektor swasta. Dalam hal ini, EiMAS perlulah menyakinkan pihak industri tentang opsyen-opsyen pengeluaran bersih atau 'cleaner production options' yang mampu mengawal pencemaran di samping menjimatkan kos operasi dalam jangkamasa yang panjang. Di pihak industri saya sarankan supaya pengerak-pengerak projek dan pihak-pihak yang terlibat di dalam sektor-sektor pengeluaran dan perkilangan khususnya, tanamkanlah sikap pro-aktif dan bertindak secara positif kearah keperluan meningkatkan prestasi alam sekitar dan mencapai pembaikan dengan mengawal pencemaran dari puncanya. Dengan kerjasama sebegini, adalahdiharap matlamat untuk mencegah pencemaran melalui konsep 'prevention' dapat dicapai

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya menyambut baik usaha Jabatan Alam Sekitar dalam memperkenalkan satu pendekatan baru dalam menangani masalah pencemaran alam sekitar. Program bagi Operasi Alat Kawalan Pencemaran Alam Sekitar yang kini sedang dirangka akan mewajibkan operator yang bertanggungjawab mengoperasikan alat kawalan pencemaran seperti logi pengolahan effluen mendapat sijil kompetensi daripada Jabatan Alam Sekitar. Sijil hanya akan diberikan kepada mereka yang telah menghadiri kursus yang diwajibkan di EiMAS dan melaksanakan tugas yang ditetapkan. Hanya mereka yang mempunyai sijil sahaja dibenarkan bertugas untuk mengoperasikan alat kawalan. Dengan cara ini, adalah diharapkan masalah pencemaran yang berpunca dari pengendalian dan penyenggaraan alat atau sistem yang tidak sempurna dapat di atasi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kepakaran yang ada di kalangan pensyarah dan penyelidik UKM akan turut dimanfaatkan dalam membangunkan program-program EiMAS. Ini adalah selaras dengan Memorandum Persefahaman Kedua antara JAS dan UKM dalam bidang pengurusan alam sekitar. Saya difahamkan melalui kerjasama ini JAS dan UKM akan bekerjasama memberi latihan ke arah penyelesaian terbaik masalah-masalah spesifik alam sekitar dan 'explore' teknik-teknik pembelajaran berasaskan teknologi masa kini.

Walau bagaimanapun, bagi terus membangun dan berdaya saing EiMAS juga harus merancang kerjasama, bukan sahaja dengan UKM. EiMAS perlu menjalin 'strategic alliance' dan partnership dengan institusi serupa

di negara-negara lain, bagi memperluaskan pengalamannya dan juga mendapat kepakaran dari institusi-institusi yang lebih maju dan luas pengalaman.

Walaupun bagaimanapun perlu saya ingatkan agar EiMAS janganlah terlalu menekankan latihan akademik sebaliknya perlu menyediakan program-program dan latihan-latihan yang boleh membantu industri dalam menjaga kepentingan alam sekitar. Selain menjalin kerjasama dengan institusi-institusi pengajian tinggi, EiMAS juga perlu menjalin kerjasama dengan pihak-pihak industri bagi mengetahui keperluan mereka dan seterusnya menyediakan latihan-latihan ke arah menyelesaikan masalah yang mereka hadapi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sebagai mengakhiri ucapan saya, saya berharap agar EiMAS sentiasa perihatin terhadap perkembangan dan perubahan di persekitaran luar, pasaran dan juga kehendak stakeholders. Saya juga berharap agar pihak pengurusan serta tenaga pengajar di EiMAS sentiasa dalam keadaan di tahap atas dalam apa juga subjek latihan yang diberikan.

Dengan ini saya dengan sukacitanya melancar dengan rasminya ~~Jabatan Alam Sekitar dan~~ Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS) dan pelancaran Logo EiMAS.

Sekian, terima kasih.